

**MCA Pulau Pinang Sedia Bantu Pembantu Rumah Dakwa Didera
Bernama
August 25, 2014**

GEORGE TOWN, 25 Ogos (Bernama) -- MCA Pulau Pinang sedia membantu mendapatkan tempat perlindungan untuk pembantu rumah yang didakwa didera majikannya di Air Itam di sini.

Penasihat Biro Pengaduan Awam MCA negeri Lim Thoon Deong berkata wanita itu kini stabil tetapi kelihatan 'keliru' dan tidak dapat memberi keterangan konsisten berhubung insiden yang menimpanya.

"Mangsa difahamkan adalah anak yatim piatu dan MCA akan merujuk kes ini kepada agensi berkenaan termasuk mendapatkan rumah perlindungan untuk mangsa jika benar apa yang didakwanya," katanya kepada pemberita selepas melawat wanita itu di Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini pada Isnin.

Media pada Ahad melaporkan wanita yang dikenali sebagai Koey Lay Kheng, 22, mendakwa disimbah air panas oleh majikannya Rabu lepas menyebabkan beberapa bahagian badannya melecur.

Wanita itu dikatakan hanya dapat keluar dari rumah untuk mendapatkan rawatan dengan bantuan orang awam selepas majikannya pergi bercuti Sabtu lepas.

Lim yang juga Pengerusi Lembaga Pelawat HPP berkata pemeriksaan mendapati tiga peratus kesan lecur yang masih baharu di sebelah tangan, belakang bahu kanan dan leher mangsa.

Beliau berkata perbincangan dengan doktor yang merawat mangsa turut mempertimbangkan kemungkinan pesakit itu akan dirujuk kepada pakar psikologi untuk pemeriksaan lanjut.

"Kami juga sedang menunggu perkembangan siasatan dan sedia membantu mendapatkan keadilan untuk mangsa," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Timur Laut Supt Rahman Ahmad ketika dihubungi berkata polis telah menahan seorang wanita berusia 40-an pagi ini bagi membantu siasatan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1063269>